

21/09/1998

KL akan tawar jadi tuan rumah Olimpik

BUKIT JALIL, Ahad - Malaysia akan membuat tawaran untuk menjadi tuan rumah Sukan Olimpik pada 2008, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Dr Mahathir, tawaran itu dibuat berdasarkan kejayaan Malaysia menganjurkan Kuala Lumpur 98-Sukan Komanwel XVI (KL '98) yang disifatkannya sebagai luar dugaan.

"Saya agak ragu sama ada kami akan berjaya, tetapi kami akan membuat tawaran untuk 2008, walaupun ia hanya untuk menyatakan kesediaan kami menjadi tuan rumah," katanya.

Pada sidang akhbar selepas melawat Pusat Akhbar Utama (MPC) KL '98 di sini, hari ini, Perdana Menteri berkata Malaysia juga sedar beberapa peraturan perlu dipenuhi sebelum menjadi tuan rumah Olimpik, seperti negara mesti mempunyai atlit mencukupi untuk diturunkan.

"Kami tidak boleh hanya menjadi tuan rumah tanpa penyertaan atlit. Itu adalah lebih sukar untuk dilakukan berbanding jika diminta membina stadium," katanya.

(END)